

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Liability Awam anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Insurans Liabiliti Awam?

Insurans Liabiliti Awam melindungi liabiliti undang-undang anda terhadap pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh perlindungan berkaitan dengan operasi perniagaan anda dan berlaku di dalam skop wilayah.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM200.00 setahun, anda menerima **perlindungan seperti** berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
- Kesemua jumlah yang menjadi liabiliti undang-undang anda untuk membayar pampasan berhubungan dengan: - kecederaan badan kepada atau penyakit mana-mana orang; dan/atau - kerugian atau kerosakan kepada harta pihak ketiga; yang berlaku akibat kemalangan dan berlaku atau disebabkan berkaitan dengan operasi perniagaan anda seperti yang dinyatakan di dalam jadual polisi. - Kesemua kos dan perbelanjaan guaman: - yang diperolehi semula oleh mana-mana pihak penuntut terhadap anda; - yang ditanggung dengan kebenaran bertulis dari pihak kami.	- Liabiliti yang dipikul melalui perjanjian - Liabiliti untuk membayar pampasan di bawah undang-undang berkaitan dengan kecederaan atau penyakit sebab pekerjaan - Liabiliti berhubung dengan kerugian atau kerosakan ke atas harta sendiri atau harta di bawah penjagaan, pemeliharaan dan pengawalan anda - Liabiliti yang berpunca daripada gegaran - Liabiliti yang timbul akibat kebakaran, gempa bumi, letupan, banjir, asap atau pencemaran air - Kerugian kewangan tulen akibat luahan, penyerakan, pembuangan atau pelepasan bahan-bahan pencemaran - Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan - Peperangan, perang saudara, rusuhan atau kekacauan awam - Sebarang tindakan keganasan - Keradioaktifan dan risiko tenaga nuklear - Tuntutan yang timbul daripada asbestos
Tempoh perlindungan ialah selama setahun (kecuali untuk risiko berkaitan dengan projek). Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Liability Awam kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
www.allianz.com.my/publicliab-ins



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Allianz, had indemniti dan sebarang lanjutan manfaat-manfaat kepada perlindungan asas di bawah polisi.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan kod pekerjaan adalah pejabat dan had liabiliti adalah RM1,000,000.00, **anda mesti membayar premium:**

Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah	RM200.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium atau RM50.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM16.00

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda tidak patut mengaku, menawarkan, berjanji atau membayar mana-mana pihak penuntut tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Allianz.
- Anda mesti memberitahu ejen insurans anda atau kami secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan penting semasa tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendors ke atas polisi anda.
- Warranti Premium –Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini. Sila maklum bahawa terma ini tidak terpakai apabila polisi melindungi risiko berkaitan dengan projek bagi tempoh kurang daripada satu tahun.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat kami bagi tempoh polisi telah berkuatkuasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.